

26 NOV 1997

Abdullah-Kedutaan (Bergambar)

KEDUTAAN MALAYSIA DIARAH JELASKAN USAHA NEGARA PERTAHANKAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -- Semua kedutaan Malaysia di luar negara diarah memberi penerangan mengenai tindakan kerajaan dalam mempertahankan kedudukan ekonomi kepada pihak-pihak berkenaan termasuk sektor korporat.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata kementerian telah mengeluarkan pekeliling semua kepada kedutaan yang meliputi arahan memberi penerangan mengenai langkah kerajaan mengatasi masalah matawang dan pasaran saham semasa serta usaha khusus memperkukuhkan ekonomi negara.

"Kita akan menerangkan mengenai sikap kerajaan dalam menghadapi masalah ini serta azam kerajaan mengatasinya dengan seberapa cepat bagi memastikan keberkesanan tindakan-tindakan yang akan kita ambil itu," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan bendera Malaysia kepada pasukan negara yang akan menyertai Ekspedisi 4X4 TransAfrica Silverstone, di sini.

Abdullah berkata kerajaan juga akan menerangkan kepada negara luar bahawa Malaysia mahu menerima dan menggalakkan pelaburan langsung asing ke negara ini.

"Kita juga mahu meneruskan hubungan ekonomi dengan negara berkenaan... kita tidak berhajat mengurangkan perhatian kita kepada hubungan itu. Di samping itu, perdagangan dan eksport akan kita teruskan," katanya.

Abdullah berkata penerangan mengenai situasi ekonomi negara penting bagi membolehkan negara-negara berkenaan memahami kedudukan Malaysia serta dasar kerajaan dalam menghadapi masalah itu.

Beliau berkata kedutaan-kedutaan Malaysia juga akan menerangkan mengenai kesan masalah itu kepada program Kerjasama Teknikal Malaysia dengan negara luar, yang menurutnya tidak akan menjejaskan matlamat asal pelaksanaan program itu.

"Apabila keadaan pulih semula, tentu program yang dirancang itu akan dilaksanakan sepenuhnya," katanya.

Abdullah juga berkata Wisma Putra mengambil langkah berjimat-cermat dalam semua perbelanjaan pengurusannya yang meliputi penangguhan pembinaan bangunan ibupejabat kedutaan di luar negara.

Antara projek pembinaan bangunan di luar negara yang akan ditangguh ialah pejabat kedutaan di Washington, Amerika Syarikat.

"Ini (projek bangunan di Washington) akan menjadi cukup mahal bila kita nak buat. Saya rasa (projek) di Washington itu belum dimulakan lagi," katanya.

Bagaimanapun, Abdullah berkata arahan penangguhan pembinaan itu hanya berkuatkuasa kepada projek yang belum memeterai apa-apa kontrak manakala projek yang telah dipersetujui dari peringkat awal lagi boleh diteruskan.

Langkah berjimat-cermat Wisma Putra itu adalah selaras dengan keputusan kerajaan mengurangkan perbelanjaan pengurusan dan pentadbirannya sehingga dua peratus, katanya.

Abdullah berkata arahan penjimatan perbelanjaan kepada semua bahagian kementerian itu turut meliputi garis panduan penggunaan harta-benda kementerian seperti peralatan pejabat dan alatulis serta penangguhan pengisian jawatan kosong.

Sementara itu, pasukan negara akan berlepas ke Cape Town, Afrika Selatan esok bagi menyertai ekspedisi 33 hari merangkumi laluan sejauh 17,000 km merentasi 12 negara bermula 1 Dis ini. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ialah penaung ekspedisi itu.

Ekspedisi bertaraf antarabangsa itu, anjuran syarikat Silverstone, akan

bermula di Cape Town merentasi negara Botswana, Namibia, Zimbabwe, Zambia, Tanzania, Kenya, Uganda, Ethiopia, Eritrea, Sudan dan berakhir di Kaherah, Mesir, akan menelan belanja kira-kira RM5 juta. -- BERNAMA

RAZ NAK